



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN

PELAKSANAAN PROGRAM PENGAKUAN SUKARELA MULAI 6 JUN

Selaras dengan pengumuman yang telah dibuat dalam Belanjawan 2023, Kerajaan akan melaksanakan semula **Program Pengakuan Sukarela (PKS)** sebagai salah satu inisiatif bagi **memperluaskan bilangan pembayar cukai, meningkatkan tahap pematuhan cukai dan meningkatkan hasil negara.**

PKS memberi peluang kepada orang ramai untuk secara sukarela membayar cukai yang bertanggung tanpa sebarang penalti atau pada kadar sifar peratus. Ia akan dilaksanakan oleh **Jabatan Kastam Di Raja Malaysia (JKDM)** dan **Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)** mulai **6 Jun 2023 hingga 31 Mei 2024.**

Butiran lanjut dan terperinci mengenai pelaksanaan PKS boleh didapati melalui laman sesawang rasmi JKDM dan LHDNM.

Kementerian Kewangan Malaysia

Putrajaya

2 Jun 2023